



LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA

UTUSAN KOTA

REAKSI

TERIMA KASIH KPKT



LAWATAN dari KPKT membuatkan kami berasa lega dari khabar gembira buat semua penduduk.

Kelulusan peruntukan itu menunjukkan kerajaan sedia ada merupakan kerajaan yang prihatin yang memela nasib rakyat."

FENDI ABDUL RAHMAN
Penduduk

"ALHAMDULILAH, Masalah ini telah lama berlaku dan akhirnya menemui jalan penyelesaian. memang tidak dapat diuzhurkan kerana masalah yang sama ini kami hadapi sejak lima tahun lalu bakal berakhir."



ZULKIFLI MOHD. RASIAH
Penduduk

"HARAPAN saya agar semua penduduk memanfaatkan bantuan yang diberikan ini serta meminta kerjasama semua pihak untuk menyelesaikan kos penyelenggaraan yang kemudahan akan datang."



BAHARUM ABU
Penduduk

Penduduk Flat Seri Nuri gusar aspek keselamatan

Bumbung 'berterbangan'



SKUAD TERJAH
Oleh **ZULFADLI SHARIFUDIN, FAUZI SUHAIMI dan AMIRUL AIMAN ANUAR**
kota@utusangroup.com.my

■ BANGI 5 OKT.

MELANGKAH masuk ke kawasan perumahan Flat Seri Nuri, di Bandar Bukit Mahkota, di sini, seolah-olah membawa suasana pada zaman era 50-an.

Bukan seni bina menjadi faktor, akan tetapi kedaihan terhadap struktur bangunan terutama

di bahagian bumbung jelas menunjukkan perumahan strata itu seperti tidak berpenghuni dan menjadi tinggalan sejak beberapa tahun lalu.

Keadaan bumbung rumah yang tercabut hampir keseluruhan di ke lapan-lapan blok rumah berkenaan menjadi tanda tanya bagaimana penghuni di tingkat lima berdepan dengan situasi berkenaan.

Dalam kunjungan Skwad Terjah baru-baru ini mendapati, keadaan itu menimbulkan ke- resahan penduduk terutama dalam aspek keselamatan.

Menurut Pengerusi Perbadanan Pengurusan (MC) Flat Seri Nuri, Mohammad Fauzi Husain, keadaan tersebut berlaku sejak lima tahun lalu dan hingga hari ini masalah bumbung semakin kritikal.

"Pada awalnya hanya sedikit



BAGAI dipukul ribut namun sebenarnya kualiti bahan yang digunakan adalah rendah dan tidak tahan lama.

sahaja tetapi lama-kelamaan ia berlarutan malah ada dua daripada lapan blok ini lebih teruk berbanding blok lain.

"Kami di pihak MC pernah mengemukakan masalah ini kepada penduduk dan meminta bayaran penyelenggaraan di-

lunaskan untuk tujuan kerja-kerja baik pulih namun tidak diendahkan sehinggalah ia berlanjutan sehingga hari ini," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Mohammad Fauzi berkata, semua penduduk perlu mengambil langkah berjaga-jaga kerana dikhuatiri kejadian tidak diingini berlaku.

"Kami berharap agar pihak berwajib dapat membantu untuk membaik pulih keadaan bumbung sebelum masalah ini semakin berlarutan," ujarnya.

Utusan Malaysia difahamkan rumah Flat Seri Nuri berusia kira-kira 10 tahun mempunyai lapan blok meliputi 796 unit didiami kira-kira lebih 3,000 penduduk daripada pelbagai latar belakang.



KESEMUA lapan blok rumah flat ini berdepan masalah bumbung rosak sejak lima tahun lalu sehingga berlaku resapan air dalam rumah.



KEADAMAN bumbung di tingkat lima rumah Flat Seri Nuri, di Bandar Bukit Mahkota, Bangi.



MOHAMMAD FAUZI HUSAIN meninjau keadaan bumbung yang merosotkan keselamatan penduduknya.

KPKT peruntuk RM1.6 juta selenggara bumbung rumah

MAKLUM BALAS

KUALA LUMPUR 5 Okt. - Kira-kira 3,000 penduduk di Perumahan Flat Seri Nuri, di Bandar Bukit Mahkota, di sini menarik nafas lega apabila Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengumumkan peruntukan sebanyak RM1.6 juta bagi membaik pulih bumbung kediaman mereka yang rosak.

Pegawai Tugas-Tugas Khas Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Johan Abd. Aziz berkata, peruntukan disalurkan menerusi Tabung Penyelenggaraan (TPIM) yang diperkenalkan bagi menyelenggara semua rumah pangsapuri di seluruh negara.

Katanya, masalah tersebut dilihat perlu dibantu kerana ia melibatkan isu keselamatan terutama penduduk di kawasan berkenaan.

"Saya dimaklumkan berhubung masalah ini sejak beberapa bulan lalu dan perkara ini telah dibawa ke peringkat Kementerian. Kini peruntukan sudah disediakan untuk membaik pulih struktur bumbung yang rosak.

"Ini merupakan inisiatif kerajaan pusat dalam membantu serta memela rakyat yang memerlukan bantuan tanpa mengira latar belakang," katanya di sini baru-baru ini.

Johan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Ini merupakan inisiatif kerajaan pusat dalam membantu serta memela rakyat yang memerlukan bantuan tanpa mengira latar belakang."

JOHAN ABD. AZIZ
Pegawai Tugas-Tugas Khas Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Semenyih mendakwa, bumbung yang dipasang pada rumah berkenaan dilihat tidak berkualiti dan tidak tahan lama.

"Kami jangkakan kerja-kerja menambah baik bumbung ini akan dimulakan pada penghujung tahun ini kerana peruntukan kita sudah ada, cuma sekarang dalam proses melantik kontraktor.

"Kami harap, bantuan yang diberikan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk dan menerima baik bantuan yang diberikan ini," katanya lagi.

info
FLAT SERI NURI, BANDAR BUKIT MAHKOTA

- > Mempunyai 8 blok
- > Meliputi 796 unit
- > Jumlah penduduk seramai 3,000 orang
- > Kos penyelenggaraan sebanyak RM30 sebulan
- > Semua blok hadapi masalah bumbung tercabut
- > Didiami kira-kira 10 tahun lalu

